



**MAKLUMAN BERKAITAN HIMPUNAN PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA BUKIT
BINTANG**

Kuala Lumpur, 24 Mei 2018 – Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Peniaga-Peniaga Bukit Bintang baru-baru ini, untuk pengetahuan, penutupan Kompleks BB Plaza sepenuhnya pada 31 Disember 2014 adalah untuk memberi laluan rancangan pembangunan semula untuk diintegrasikan dengan pembinaan Stesen BB MRT.

Pihak UDA Holdings Berhad (UDA) ingin memberi penjelasan khususnya berkaitan tindakan undang-undang yang diambil. Tuduhan yang mengatakan penyewa-penyewa di Kompleks BB Plaza telah diambil tindakan undang-undang adalah tidak benar, sebaliknya pada April 2015, 18 penyewa Kompleks BB Plaza, Bukit Bintang yang telah mengambil tindakan undang-undang terhadap UDA dengan menuntut ganti rugi atas dakwaan kehilangan pendapatan, kerugian barangan tidak terjual dan kehilangan keuntungan akibat penamatan penyewaan di Kompleks BB Plaza.

Perbicaraan kes itu dijalankan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana kedua-dua pihak iaitu penyewa dan UDA diberi peluang untuk membentangkan kes dengan mengemukakan bukti dan keterangan saksi masing masing. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat keputusan yang berpihak kepada UDA serta menolak tuntutan penyewa. Penyewa telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan tetapi menarik balik rayuan tersebut.

Untuk makluman, penamatan penyewaan dengan notis 6 bulan bertarikh 1 Julai 2013 telah dikeluarkan kepada semua penyewa BB Plaza menyatakan Penyewaan akan berakhir 31 Disember 2013. Namun demikian Notis Penangguhan Pengosongan Premis Perniagaan selama 1 tahun juga telah diberikan kepada penyewa-penyewa di BB Plaza sehingga ke tarikh 31 Disember 2014.

Tindakan undang-undang hanya diambil ke atas 9 penyewa lot tetap dan 19 penyewa lot promosi oleh UDA kerana kesemua penyewa terbabit gagal melunaskan bayaran sewa tertunggak walaupun selepas diberi diskaun sewa.

Pihak UDA tidak pernah lari daripada visi asal penubuhannya dan sentiasa berusaha membantu golongan bumiputera. Untuk pengetahuan, kadar penghunian penyewa bumiputera bagi kompleks kompleks beli belah milik UDA sehingga April 2018 ini adalah 72%.

Kenyataan yang dinyatakan oleh pihak persatuan bahawa Kompleks BB Plaza, sebagai satu-satunya kompleks beli-belah yang mempunyai 60% usahawan bumiputera juga tidak tepat.

Berikut adalah kompleks-kompleks beli-belah milik UDA yang turut memperuntukkan ruang untuk usahawan bumiputera (bilangan mengikut NLA): -

NO	KOMPLEKS	BUMIPUTERA %
1	Kompleks Pertama	88%
2	Pudu Sentral (UTC)	76%
3	Cahaya Suria	68%
4	Angsana Seremban Mall	73%
5	Angsana Johor Bahru Mall	60%
6	Angsana Ipoh Mall	56%

Projek pembangunan semula kompleks berkenaan dikendalikan oleh syarikat Zurah Permai iaitu syarikat milik usahama antara Tradewinds Corporation Berhad dan UDA. Menerusi projek pembangunan semula itu, UDA berhak menetapkan kadar sewa bagi 50% ruang niaga yang diperuntukkan bagi memastikan objektif meningkatkan pemilikan hartanah atau lot perniagaan oleh bumiputera tercapai dan terpelihara. Setelah pembangunan siap sepenuhnya, UDA akan menawarkan semula kepada penyewa sedia ada ruangan kedai jika memenuhi syarat- syarat yang ditetapkan.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- Nor Hanisah Kamaruzaman | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855